Kehilangan pendapatan

Ini dipersetujui oleh kedua belah pihak.

Award

Kesimpulannya, saya memerintahkan bahawa defendan membayar gantirugi kepada plaintif kedua seperti berikut:

1. Gantirugi am bagi "pain and suffering and loss of amenities" sebanyak RM38,000 dengan faedah sebanyak 8% setahun mulai tarikh penyampaian Writ sehingga tarikh penghakiman
2. Gatirugi Khas -
   (a) Dipersetujui sebanyak RM600
   (b) Kehilangan pendapatan sebenar sebelum perbicaraan, mulai 1984 hingga Mac 1987 (persetujui) sebanyak RM3,189.
   (c) Kehilangan pendapatan sebelum perbicaran sebanyak RM300 sebulan selama lima tahun (Mac 1987 hingga Disember 1991) (dipersetjui) sebanyak RM18,792

   Jumlah besar: RM60,581

Saya juga memerintahkan supaya faedah sebanyak 4% bagi amaun di bawah butiran (a), (b) dan (c) mulai tarikh kemalangan sehingga tarikh penghakiman dibayar oleh defendan.

Defendan juga diperintahkan membayar kos perbicaraan ini kepada kedua-dua plaintif.

SUPER LATEX SDN. BHD.

LWN.

MULTI PURPOSE COMMODITY TRADING SDN. BHD. & SATU LAGI.

MAHKAMAH TINGGI, MELAKA
DATO' HJ. MOHD. NOOR B. HJ. AHMAD H.
[GUAMAN NO. 22-80 TAHUN 1990]
13 OKTOBER 1992

KONTRAK: Perjanjian membekalkan getah pekat - Plaintif terlewat membuat bayaran - Bekalan digantungkan - Jaminan-jaminan bank defendan kedua membayar hutang plaintif - Semua hutang dijelaskan - Bekalan masih digantungkan - Tuntutan gantirugi defendan pertama terhadap defendan kedua - Plaintif melarang defendan kedua dari membuat pembayaran terhadap tuntutan - Samada plaintif boleh menyekat defendan kedua sedemikian - Tuntutan tersebut kerana keingkaran kontrak - Samada dalam ambit jaminan-jaminan - Konstraksi - Bon pelaksanaan - Kesan; penipuan - Tuntutan defendan pertama - Amaun yang dituntut tidak jelas dan tepat - Samada bukti penipuan

Defendan kedua, melalui interplider, telah memohon perintah Mahkamah keatas dua jaminan bank tersebut.

Di bawah tiga kontrak di antara plaintif dan defendan pertama, defendan pertama berjanji membekalkan kepada plaintif getah pekat mengikut syarat-syarat kontrak-kontrak itu. Apabila plaintif terlewat membuat bayaran ke atas bekalan yang telah dibekalkan oleh defendan pertama, defendan kedua telah memberi jaminan-jaminan bank tersebut. Kesemua hutang telah dijelaskan pada 30 Jun 1990. Tetapi susu getah tidak dibekalkan. Malahan, defendan pertama menuntut dari defendan kedua atas jaminan-jaminan bank. Plaintif memberi amaran kepada defendan kedua supaya pembayaran terhadap tuntutan defendan pertama tidak dibuat oleh defendan kedua. Mereka kata apa yang dipertikaikan oleh defendan pertama ialah mengenai keingkaran kontrak dan gantirugi akan tetapi jaminan-jaminan bank tersebut adalah berkaitan dengan bekalan susu getah dan sebagainya. Mereka kata juga bahawa tuntutan defendan pertama adalah suatu penipuan, dan defendan pertama sendiri yang membuat jaminan-jaminan bank tersebut.

Manakala defendan pertama menekankan bahawa defendan kedua hanya boleh menolak tuntutan defendan pertama jikalau penipuan telah dibuktikan dan defendan kedua ada pengetahuan terdapatnya penipuan itu.

Diputuskan:

[1] Plaintif tidak boleh menyekat defendan kedua dari membuat bayaran kepada defendan pertama di bawah jaminan-jaminan bank tersebut. Tuntutan gantirugi kerana keingkaran kontrak adalah termasuk dalam perjanjian jaminan-jaminan bank itu dan defendan kedua masih terikat dengan jaminan-jaminan bank itu. Sesuatu jaminan hendaklah dipertimbangkan semata-mata seperti lain-lain dokumen perniagaan atau kontrak komersial. Ianya hendaklah ditafsirkan secara munasabah dan mengikut keadaan-keadaan sekelilingnya. Jaminan-jaminan bank tersebut sebenarnya adalah bon pelaksanaan (performance bond), dan defendan kedua terpaksa menunaikan kewajipannya kecuali jikalau ia mengetahui terdapatnya dengan jelas suatu penipuan dilakukan oleh defendan pertama.

[2] Plaintif tidak dapat membuktikan sebarang penipuan oleh defendan pertama. Membuat sesuatu tuntutan mengikut undang-undang di atas sesuatu yang seseorang itu mempercayai yang ia ada hak untuk menuntut bukanlah suatu penipuan. Mengenai amaun yang dikatakan tidak jelas dan tepat itu, ianya boleh diselaraskan kelak apabila guaman di antara plaintif dan defendan pertama diputuskan oleh Mahkamah.

[Defendan kedua diperintah membayar tuntutan defendan pertama. Kos kepada defendan pertama dan defendan kedua.]

Kes-kes yang dirujuk:

Lloyds lwn. Harper [1880] 16 Ch D 290 (dirujuk)
Bank Bumiputra Malaysia Berhad lwn. Esah binti Abdul Ghani [1986] 1 MLJ 16 (dirujuk)
Government of Gibraltar lwn. Kenney & Anor. [1956] 3 All ER 22 (dirujuk)
The Deputy Commissioner of Labour Perak lwn. The Sitiawan Transport Co. Ltd. [1951] 17 MLJ 59 (dirujuk)
Strong lwn. Woodfield [1905] 2 KB 350 (dirujuk)
Prance lwn. London County Council [1915] 1 KB 688 (dirujuk)
Oversea-Chinese Banking Corpn. Ltd. lwn. Union of Bank Employees & Anor. [1986] 1 MLJ 338 (dirujuk)
Edward Owen Engineering Ltd. lwn. Barclays Bank International Ltd. [1978] QB 159 (dirujuk)
United Trading Corpn. SA & Murray Clayton Ltd. lwn. Allied Arab Ltd. & Ors. [1985] 2 Lloyd's Rep 554 (dirujuk)
The Brightside Mechanical And Electrical Services Group Ltd. & Anor. lwn. Standard Chartered Bank & Anor. [1989] 3 MLJ 13 (dirujuk)

Bagi pihak plaintif - Amar Jit Kaur; T/n. Chung & Chan
Bagi pihak defendan pertama - Foo Yet Ngo; T/n. Shearn Delamore & Co.
Bagi pihak defendan kedua - B.K. Teo; T/n. Ram, Rais & Partners

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Mohd. Noor b. Hj. Ahmad H:

Defendan kedua, melalui interplider, telah memohon perintah Mahkamah ke atas dua Jaminan Bank bernombor 89/85 dan 90/l5 masing-masing bertarikh 20 Disember 1989 dan 17 Mac 1990 (selepas ini dirujuk sebagai "Jaminan-jaminan Bank tersebut"), yang diberi oleh defendan kedua atas permintaan plaintif untuk faedah defendan pertama.

Secara ringkas, fakta-fakta kes adalah seperti berikut -

(1) Di bawah tiga kontrak, defendan pertama berjanji membekalkan kepada plaintif getah pekat mengikut amaun, masa dan harga yang disebutkan dalam kontrak-kontrak berkenaan. Defendan pertama bermula membekalkan susu getah itu kepada plaintif, akan tetapi, selepas membekalkan sebahagian dari bekalan yang dikontrakkan itu defendan pertama menggantungkan semua bekalan selanjutnya pada pertengahan bulan April 1989 kerana plaintif terlewat membuat bayaran ke atas bekalan yang telah dibekalkan. Pada 30 September 1989, jumlah hutang plaintif kepada defendan pertama adalah sebanyak RM440,337.35. Selepas perundingan, defendan kedua telah memberi Jaminan-jaminan bank tersebut. Kesemua hutang tersebut telahpun dijelaskan pada 30 Jun 1990. Meskipun demikian, tiada susu getah dibekalkan kepada plaintif semenjak pertengahan bulan April l989 kerana, mengikut plaintif, defendan pertama enggan menghantar sebarang bekalan dan, mengikut defendan pertama pula, plaintif enggan menerima semua bekalan

yang dikontrakkan setakat itu akan tetapi sanggup menerima sebahagian sahaja. Pertikaian ke atas keingkaran kontrak berlarutan di antara plaintif dan defendan pertama.

(2) Pada 25 Julai l990, defendan pertama menuntut dari defendan kedua wang sebanyak RM595,000 di bawah Jaminan-jaminan Bank tersebut. (Sila lihat Eksibit P15 dalam affidavit Dr. Tan Kok Yong yang diikrarkan pada 7 Ogos l990 dilampiran (4)). Pada 8 Ogos l990, Y.A. Hakim Mokhtar bin Hj. Sidin telah membuat Perintah lnjunksi Interim, di antara lain, melarangkan defendan kedua dari membayar tuntutan defendan pertama itu. Akan tetapi Perintah tersebut diketepikan oleh saya pada 19 Mac 1991. Berlarutan dari itu, pada 21 dan 22 Mac 1991, melalui surat-menyurat, plaintif memberi amaran kepada defendan kedua supaya pembayaran terhadap tuntutan defendan pertama itu tidak dibuat oleh defendan kedua. Oleh yang demekian, defendan kedua membuat permohonan melalui interplider ini.

3(1) Peguam plaintif, dalam hujahnya, berkata bahawa wang di bawah Jaminan-jaminan Bank tersebut tidak patut di bayar kepada defendan pertama kerana

(i) tuntutan defendan pertama tidak termasuk dalam ambit Jaminan-jaminan Bank tersebut. Apa yang dipertikaikan oleh defendan pertama ialah mengenai keingkaran kontrak dan gantirugi akan tetapi Jaminan-jaminan Bank tersebut adalah berkaitan dengan bekalan susu getah, hutang yang wujud dan pembayaran (supply of latex, existing debt and payment) dan dalam tempoh tersebut tiada bekalan dibuat.

(ii) Tuntutan defendan pertama itu adalah suatu penipuan (fraudulent claim) kerana defendan pertama tidak berhak membuat tuntutan tersebut dan lagi, amaun yang dituntut itu tidak jelas dan tepat.

(iii) Defendan pertama sendiri yang membuat Jaminan-jaminan Bank tersebut; oleh itu terma-termanya hendaklah dibaca bertentangan (against) pembuatnya.

(2) Manakala Peguam defendan pertama pula, dalam hujahnya, menekankan bahawa, dari terma-terma Jaminan-jaminan Bank tersebut adalah jelas bahawa ianya merangkumi tuntutan gantirugi atas keingkaran perjanjian. Plaintif tidak berhak menyekatkan bayaran wang di bawah Jaminan-jaminan bank tersebut dan defendan kedua adalah terikat dengan terma-terma dalam Jaminan-jaminan bank tersebut. Defendan kedua hanya boleh menolak tuntutan defendan pertama jikalau penipuan (fraud) telan dibuktikan dan defendan kedua ada pengetahuan terdapatnya penipuan itu.

4(1) Pada pendapat saya, isu undang-undang yang timbul dalam kes ini ialah samada plaintif boleh menyekat defendan kedua dari membuat bayaran kepada defendan pertama di bawah Jaminan-jaminan Bank tersebut?

(2) Terma-terma Jaminan-jaminan Bank tersebut perlu diteliti dan dibaca pada keseluruhannya dengan berpandukan kepada prinsip mengenai konstruksi jaminan. Sesuatu jaminan hendaklah dipertimbangkan semata-mata seperti lain-lain dokumen perniagaan atau kontrak komersial. Oleh itu, ianya perlu diberi makna dalam urusan perniagaan yang munasabah dan tidak sepatutnya ditafsirkan makna yang boieh membuatnya tidak berkesan atau berbentuk khayalan. Ianya hendaklah ditafsirkan secara munasabah bukan sahaja mengikut perkataan-perkataan yang digunakan akan tetapi juga mengikut keadaan-keadaan sekelilingnya (sila lihat Fry J. dalam kes *Lloyds v. Harper* [1880] 16 Ch. D. 290; *Bank Bumiputra Malaysia Berhad v. Esah binti Abdul Ghani* [1986] 1 MLJ 16).

5. Berlandasan kepada prinsip yang disebutkan di atas, pendapat saya adalah seperti berikut -

(1) Jaminan-jaminan Bank tersebut terdapat dilampiran (33) yang ditandakan sebagai Eksibit 'A'. Ayat-ayat dalam Jaminan-jaminan Bank tersebut hampir serupa kecuali di perenggan pertama dalam Jaminan Bank bertarikh 17 Mac 1990 hutang

yang ujud ("the existing benefit") tidak disebutkan. Perenggan-perenggan pertama, kedua, ketiga dan keempat perlu dititikberatkan. Perenggan pertama adalah mengenai balasan dari defendan pertama iaitu, pembekalan susu getah pekat dan perlanjutan masa bagi plaintif menyelesaikan hutang yang ujud. Perenggan kedua yang merupakan klausa penguatkuasaan menghuraikan apakah yang telah dijamin oleh defendan kedua, iaitu, tertakluk kepada suatu had, defendan kedua menjaminkan pembayaran ke atas -

(i) semua jumlah wang, bersama dengan semua caj sampingan, perbelanjaan dan faedah yang pada masa itu atau pada masa yang lain yang terhutang kepada defendan pertama oleh plaintif yang timbul daripada atau berhubung dengan pembekalan tersebut, dan

(ii) hutang yang ujud ("the Existing Debt") seperti ditakrifkan di daiam perenggan pertama.

Perenggan ketiga menegaskan kewajipan defendan kedua untuk terus menjamin hutang yang ujud dan sebarang hutang selanjutnya yang timbul dalam jangkamasa 6 bulan berbangkit dari atau berhubung dengan pembekalan tersebut. Dan perenggan keempat menjelaskan bahawa defendan pertama boleh enggan membekalkan dan lain-lain lagi tanpa menjejaskan tanggungan defendan kedua di bawah Jaminan-jaminan Bank tersebut.

(2) Dari fakta-fakta kes adalah nyata bahawa -

(i) bekalan tersebut tidak dibuat langsung oleh defendan pertama semenjak pertengahan bulan April 1989, iaitu, sebelum Jaminan-jaminan Bank tersebut dibuat.

(ii) Hutang yang ujud telah dijelaskan sepenuhnya pada 30 Jun l990 iaitu, selepas Jaminan-jaminan Bank tersebut dibuat.

(iii) Jaminan Bank bertarikh 17 Mac 1990 mempertanggungjawabkan ke atas defendan pertama untuk meneruskan pembekalan di bawah ketiga-tiga kontrak tersebut.

Ini adalah keadaan-keadaan sekeliling yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah bersama-sama perkataan-perkataan yang digunakan dalam Jaminan-jaminan Bank tersebut untuk memberi pentafsiran yang munasabah kepada Jaminan-jaminan Bank tersebut. Bagi maksud ini, ayat 'We hereby guarantee to pay to you ... all sums of money together with all incidental charges, expenses and interests which now or shall at any time be owing to you by the Customer **arising from or in connection with** the said supply...' yang terdapat di perenggan kedua adalah relevan dan penting. Yang digariskan adalah perbuatan saya sendiri.

(3) Selepas meneliti nas-nas yang berputar di atas ekspresi "arising from or in connection with" dan sebagainya, saya berpuashati bahawa tuntutan gantirugi kerana keingkaran kontrak adalah termasuk dalam ekspresi tersebut. Nas-nas tersebut adalah -

Government of Gibraltar v. Kenny & Anor. [1956] 3 All ER 22.

Kes ini melibatkan interpretasi klausa timbangtara yang berbunyi -

> ... any dispute or difference (which) shall arise or occur between the parties hereto in relation to any thing or matter arising out of or under this agreement...

Pertikaian dalam kes ini adalah mengenai satu tuntutan kuantum meruit, dan tuntutan alternatif yang berbangkit dari fakta bahawa kontrak tersebut sudah tamat dan dengan itu tiada tuntutan boleh dibuat di bawah kontrak tersebut. Mahkamah memutuskan bahawa tuntutan itu adalah satu keadaan yang berbangkit akibat kontrak tersebut atau berbangkit daripadanya. Terdapat satu perhubungan rapat di antara tuntutan kuantum meruit itu dan kontrak tersebut.

The Deputy Commissioner of Labour, Perak v. The Sitiawan Transport Company Ltd. [1951] 17 MLJ 59.

Kes ini adalah mengenai interpretasi Enakmen Pampasan Pekerja di mana terdapat peruntukan yang meliputi kecederaan `arising out of or in the course of employment. Thomson J. (ketika itu) berkata "The normal rule of *causa proxima* should apply. It is only if the accidental injury has no causal connection with the employment at all that it can be said not to arise out of it."

Strong v. Woodfield [1905] 2 KB 350.

Di dalam kes ini perkataan-perkataan `in connection with' telah ditafsirkan. Satu syarikat membuat bir memiliki sebuah hotel. Seorang pelanggan hotel dicederakan apabila cerobong terjatuh. Pelanggan tersebut menyaman syarikat tersebut atas kecuaian dan menuntut gantirugi. Isu yang timbul ialah samada gantirugi itu ada hubungan dengan perniagaan syarikat tersebut yang membolehkan syarikat tersebut menuntut pengurangan bagi maksud Cukai Pendapatan di bawah kerugian `connected with or arising out of such trade, manufacturing adventure or concern'. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa ujian adalah samada kerugian itu berbangkit secara munasabah daripada keuntungan syarikat tersebut. Dalam kes ini, kerugian itu dialami oleh syarikat tersebut dalam kedudukannya sebagai tuanempunya rumah (householder) dan bukan berhubung dengan perniagaannya. Ujian yang digunakan dalam kes ini adalah samada kerugian itu berbangkit secara munasabah. Lain-lain nas ialah *Prance v. London County Council* [1915] 1 KB 688 dalam mana Mahkamah memutuskan bahawa ekspresi `in connection with' tidak sepatutnya diberi interpretasi yang sempit; dan *Oversea-Chinese Banking Corpn. Ltd. v. Union of Bank Employees' & Anor.* [1986] 1 MLJ 338 dalam mana Mahkamah memutuskan bahawa ekspresi 'is connected with' ... the terms of employment' yang terdapat dalam definasi `trade dispute' di bawah s. 2 Akta Perhubungan Perindustrian 1967 adalah meluas yang boleh meliputi bukan sahaja pertikaian mengenai terma-terma pekerjaan tetapi juga pentafsiran terma-terma dan penguatkuasaannya.

(4) Oleh itu, selepas mengambilkira fakta-fakta yang disebutkan di perenggan (2) di atas khususnya, perenggan kecil (iii), saya memutuskan bahawa defendan kedua masih terikat dengan Jaminan-jaminan Bank tersebut walaupun tiada bekalan dibuat dalam tempoh berkenaan. Ini adalah sejajar dengan peruntukan di perenggan keempat dalam Jaminan-jaminan Bank tersebut.

(5) Jaminan- jaminan Bank tersebut sebenarnya adalah bon pelaksanaan. Dalam kes *Edward Owen Engineering Ltd. v. Barclays Bank International Ltd.* [1978] QB l59, Lord Denning MR menyatakan undang-undang mengenai bon pelaksanaan seperti berikut -

> A performance bond is a new creature so far as we are ccncerned. It has many similarities to a letter of credit, with which of course we are very familiar. It has been long established that when a letter of credit is issued and confirmed by a bank, the bank must pay it if the documents are in order and the terms of the credit are satisfied. Any dispute between buyer and seller must be settled between themselves. The bank must honour the credit... All this leads to the conclusion that the performance guarantee stands on a similar footing to a letter of credit. A bank which gives a performance guarantee must honour that guarantee according to its terms. It is not concerned in the least with the relations between the supplier and the customer; nor with the question whether the supplier has performed his corntractual obligation or not; nor with the question whether the supplier is in default or not. The bank must pay according to its guarantee, on demand, if so stipulated, without proof or conditions. The only exception is when there is clear fraud of which the bank has notice.

Dalam kes *United Trading Corpn. SA & Murray Clayton Ltd. v. Allied Arab Bank Ltd. & Ors.* [1985] 2 Lloyd's Rep 554 Lord Ackner berkata-

> Edward Owen Engineering [1978] 1 Lloyd's Rep 166; [1978] l QB 159, is of course the *locus classicus* for the proposition that a performance bond, standing on a similar footing to a letter of credit, obliges a bank to honour it according to its terms, unless it has notice of clear fraud committed by the beneficiary.

Oleh sebab Jaminan-jaminan Bank tersebut merupakan jaminan pelaksanaan prinsip di atas adalah terpakai. Dengan itu, defendan kedua terpaksa menunaikan kewajipannya

kecuali jikalau ia mengetahui terdapatnya dengan jelas suatu penipuan dilakukan oleh defendan pertama. Dalam kes ini plaintif telah menuduh bahawa tuntutan defendan pertama itu adalah suatu penipuan kerana defendan pertama tidak berhak membuat tuntutan tersebut dan lagi, amaun yang dituntut itu tidak jelas dan tepat. Saya berpendapat bahawa plaintif tidak dapat membuktikan sebarang penipuan oleh defendan pertama kerana membuat sesuatu tuntutan mengikut undang-undang di atas sesuatu yang seseorang itu mempercayai yang ia ada hak untuk menuntut bukanlah suatu penipuan (Sila lihat *The Brightside Mechanical & Electrical Services Group Ltd. & Anor. v. Standard Chartered Bank & Anor.* [1989] 3 MLJ 13). Dan, mengenai amaun yang dikatakan tidak jelas dan tepat itu, ianya boleh diselaraskan kelak apabila guaman di antara plaintif dan defendan pertama diputuskan oleh Mahkamah.

(6) Oleh yang demikian, atas isu undang-undang yang disebutkan dalam perenggan 4(1) di atas, saya memutuskan bahawa plaintif tidak boleh menyekat defendan kedua dari membuat bayaran kepada defendan pertama di bawah Jaminan-jaminan Bank tersebut. Dengan ini, defendan kedua diperintah membayar tuntutan defendan pertama di bawah Jaminan-jaminan Bank tersebut. Kos kepada defendan pertama dan defendan kedua.